

TEMUI/ALAMI PERBEZAANNYA

Mempelajari bahasa lain tidak pernah mudah. Akan tetapi, pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris telah mula berubah selepas bertahun-tahun. Hal ini bukan lagi satu proses mekanikal yang membosankan, tetapi ianya praktikal dan memuaskan - dengan menerokai penggunaan kata huraian yang menarik dan teknik perubahan kata kerja.

Pusat Cambridge English For Life (CEFL) memang terkenal dengan kaedah pendekatan holistik yang digunakan untuk fasilitasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Kesemua empat kemahiran yang dikendalikan meliputi aspek tatabahasa yang dipelajari secara induktif dan bukan secara mekanikal. Ini bererti bahawa penguasaan tatabahasa akan diperolehi dalam konteks dan bukan sebagai subjek berasingan seperti yang sering digunakan. Tambahan pula, kemampuan berbahasa diberi penekanan, tidak seperti ajaran lapuk yang mementingkan kemahiran perseorangan yang diajar secara berasingan, kerana cara ini tidak dapat mengembangkan potensi individu secara menyeluruh.

Terdapat pelbagai cara dan teknik untuk membantu mengembangkan kemahiran membaca dan kemahiran mendengar seseorang. Salah satu daripadanya termasuklah kemahiran yang diperolehi dengan cara penumpuan. Cara ini amatlah penting demi penguasaan sesuatu bahasa dan hal ini membolehkan pelajar memahami bahasa tersebut dengan cepat. Persoalannya, di manakah terletak

keunggulan pendekatan holistik dalam pembangunan kemahiran produktif ini? Jawapannya, penekanan dalam aspek berbicara dan menulis.

Di CEFL, penguasaan bahasa oleh pelajar-pelajar didapati berkembang secara signifikan. Hal ini sedemikian kerana anak-anak di Pusat CEFL seluruh Malaysia dilatih dari awal untuk membina kedua-dua ayat sederhana dan kompleks. Menurut kajian, para pelajar CEFL telah memberikan respons yang positif terhadap pendekatan komunikatif dalam soal pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Mereka melibatkan diri secara proaktif dalam proses perkembangan kemahiran bahasa mereka dengan menggunakan bahasa dengan cara yang lebih bermakna dan mampu mempraktikkan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Guru terlatih di CEFL adalah berlandaskan matlamat untuk membantu pelajar menjaga ketepatan dalam penggunaan tatabahasa dengan menggunakan bimbingan secara berkumpulan. Dengan ini, kemampuan bahasa dapat dikembangkan kerana konteks dan topik perbincangan amat menarik minat para pelajar dan sekali gus

mengalakkan penglibatan pelajar secara vokal.

Para guru telah dilengkapi dengan kemahiran cara berkomunikasi untuk membantu para pelajar memperluaskan pengetahuan dan menyemai minat mereka dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, para guru juga berperanan membantu pelajar agar lebih memahami fungsi Bahasa Inggeris dan melatih mereka supaya lebih mahir dalam teknik berkomunikasi. Pelajar di CEFL memahami bahawa Bahasa Inggeris adalah alat perhubungan yang membolehkan mereka untuk mendedahkan fikiran dan emosi mereka secara jelas dan ringkas.

Ibu bapa merupakan guru yang pertama dan yang paling utama bagi anak-anak mereka, dan CEFL bertujuan untuk bekerjasama dengan ibu bapa untuk mencipta hubungan kerja bagi mengoptimalkan perkembangan individu. Memang tidak boleh disangkal bahawa bahasalah yang membolehkan sesuatu impian tercapai.

Pada zaman kini, kursus-kursus profesional yang ditawarkan di Kolej dan Universiti Antarabangsa mewajibkan para mahasiswa untuk memiliki kemampuan komunikasi yang berkesan dalam Bahasa Inggeris, selaras dengan permintaan dunia kerjaya. Oleh yang demikian, demi mencapai matlamat penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, semua jenis persediaan memainkan peranan yang penting. Tidak kira membuat latihan, bekerja secara berpasukan dan persiapan mental, semuanya diarahkan pada pembangunan kemahiran Bahasa Inggeris di CEFL. Justeru, penguasaan Bahasa Inggeris sememangnya memberi kita semua keunggulan kompetitif secara lokal mahupun global.


Selain dari itu, bagi mereka yang ingin memainkan peranan dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris yang kian berkembang pesat, CEFL menawarkan peluang francais kepada pemohon yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

mereka harus menjadi rakan pasukan yang mempunyai minat untuk mengajar dan belajar, mempunyai panduan dan tekad untuk mengembangkan perniagaan secara komited, dan mereka yang ingin mencorakkan perubahan dalam arena pendidikan, semuanya amat dialu-alukan.

Setelah beroperasi selama sepuluh tahun dan mengadaptasi serta menyempurnakan program untuk memenuhi keperluan pelajar, CEFL Malaysia mampu menawarkan pelbagai program yang efektif yang telah terbukti berkesan kepada para franchisee. Di samping itu, setiap franchisee diberi peluang untuk membuka dan mengendalikan sebuah pusat belajar yang berkualiti dan berintegriti dilengkapi dengan dasar dan prosedur operasi standard (dengan peraturan Kerajaan yang dipenuhi), kurikulum pengajaran yang berkesan, teknik pengawasan guru, model kawalan mutu dan kaedah penilaian pelajar untuk memudahkan setiap pengendali untuk beroperasi.

Dengan sukatan yang tepat digabungkan dengan sedikit pengetahuan dalam perniagaan, pengendalian institusi pendidikan menawarkan ganjaran yang jauh berharga dari wang. Pengalaman yang berharga boleh diperolehi dari peranan yang dimainkan dalam perkembangan anak-anak dan latihan orang dewasa. Francais juga membolehkan individu lebih fokus pada operasi perniagaan, dan diselubungi dalam persekitaran kekeluargaan yang mesra. Bagi sesiapa sahaja yang memiliki impian untuk menceburi bidang perniagaan pendidikan, jadikanlah impian anda itu menjadi kenyataan!

Untuk keterangan lebih lanjut mengenai program Bahasa Inggeris Cambridge English For Life, sila hubungi Lily di 03-7883 0912 atau hantarkan e-mel kepada info@cambridgeforlife.org atau kunjungi laman web CEFL di www.cambridgeforlife.org.



Menjadikan Pembelajaran Hari Ini Sebagai Kejayaan Hari Esok

Kursus-Kursus CEFL

Cambridge English for Life (CEFL), peneraju dalam bidang penyediaan kursus-kursus Bahasa Inggeris di Malaysia dan pusat-pusat CEFL akan mengajurkan kursus-kursus persediaan bagi Peperiksaan ESOL Cambridge seperti berikut:

1. Young Learners English (YLE)

- Starters
- Movers
- Flyers

2. The Cambridge Main Suite

- Key English Test (KET)
- Preliminary English Test (PET)
- First Certificate in English (FCE)
- Certificate in Advanced English (CAE)
- Certificate of Proficiency in English (CPE)

3. Business English for Adults Business English Certificates (BEC)

- BEC Preliminary
- BEC Vantage
- BEC Higher

Francais CEFL

Ditubuhkan pada tahun 2001, Cambridge English for Life (CEFL) yang didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan dan Pendaftaran Francais merupakan peneraju dalam penyediaan program-program bahasa Inggeris bertauliah yang dinilai menerusi Peperiksaan ESOL Cambridge dan program-program perkembangan awal kanak-kanak. Pakej-pakej francais CEFL ditawarkan di bawah jenama-jenama berikut:

1. Cambridge English For Life (CEFL)

Akademik, Perniagaan & Kursus-kursus Bahasa Inggeris mengikut permintaan

2. Cambridge Children's House (CCH)

Program-program perkembangan karakter awal dan kemahiran hidup untuk kanak-kanak berusia 3-6 tahun.

3. Cambridge Maths For Life (CMFL)

Matematik Cambridge untuk kanak-kanak berusia 4-12 tahun.

PROMOSI ISTIMEWA

Hubungi kami sekarang untuk peluang perniagaan francais. Skim Pembiayaan Francais kini terbuka kepada Bumiputera yang berhasrat untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Ibu Pejabat Cambridge English For Life

London
Cambridge English For Life Limited (7193394)
162-168 Regent Street
London W1B 5TD

Kuala Lumpur
Cambridge English For Life Sdn Bhd (386971-H)
A-1-10, Merchant Square, No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1,
PJU3, 47410 Petaling Jaya, Selangor

Tel: 03 7883 0912 Fax: 03 7883 0712 Email: info@cambridgeforlife.org Website: www.cambridgeforlife.org

